

05 APR 2000

Perlis-Aqidah

PERLIS AKAN PERKENAL UNDANG-UNDANG PELINDUNGAN AQIDAH

KANGAR, 5 April (Bernama) -- Perlis akan menjadi negeri pertama menguatkuasakan undang-undang perlindungan aqidah apabila dewan undangan negeri yang mula bersidang Jumaat ini meluluskan rang undang-undang mengenainya, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Rang Undang-undang Pelindungan Aqidah Islamiah (Negeri Perlis) 2000 itu antara lain bertujuan melindungi, memulih dan menentukan akidah umat Islam tertentu serta perkara-perkara berkaitan dengannya.

Rang undang-undang yang mengandungi 15 fasal itu antara lain akan memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menentukan kedudukan orang-orang yang cuba memesongkan akidah Islam.

Katanya, umat Islam yang disabitkan kesalahan akan diperintahkan menerima pemulihan selama tempoh setahun di pusat pemulihan aqidah kecuali mereka bertaubat di hadapan hakim mahkamah syariah.

Rang undang-undang itu turut memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menjadi badan rujukan status agama orang yang telah meninggal dunia di samping menjalankan siasatan.

Shahidan berkata, penguatkuasaan undang-undang itu penting berikutan terdapat kecenderongan pihak tertentu memesongkan akidah umat Islam demi kepentingan politik mereka.

Shahidan turut menyokong kemungkinan pindaan Akta Pilihanraya 1958 berikutan tindakan melampau para penyokong parti pembangkang pada pilihanraya kecil dewan undangan negeri Sanggang 1 April lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semalam dilaporkan sebagai berkata bahawa akta itu mungkin dipinda bagi memastikan penyokong parti politik tidak bertindak keterlaluan semasa berkempen.

-- BERNAMA

AD FAZ